


Masjid Warisan Al-Khairiah, Kampung Kepayang, Fair Park, Ipoh

SEJARAH

7 April 2021



By Mohamed Faizal Zainol



Masjid Warisan Al-Khairiah, Kampung Kepayang, Fair Park, Ipoh terletak di dalam Mukim Ulu Kinta, Daerah Kinta, Perak. Masjid telah dirasmikan oleh DYAM Raja Ekram ibni Sultan Yusuf Izzudin pada 16 Februari 1968. DYAM Raja Ekram merupakan Raja Di-Hilir Perak (1963-1978).

Kedudukan masjid ini terletak ditengah-tengah antara dua Makam Orang Besar Jajahan Kinta iaitu Panglima Kinta Seri Amar Bangsa DiRaja (SABD) ke 3 Toh Changkat Rembiah (1740-1765) dan Panglima Kinta SABD ke 7 Ngah Jabor (1850-1876). Turut terletak berhampiran masjid ini adalah Makam Panglima Kinta SABD yang Pertama iaitu Toh Tambak (1670-1710).



Menurut cerita tetua, masjid ini adalah binaan kali ketiga. Binaan pertama diperbuat daripada kayu dan terletak berdekatan dengan Makam Panglima Kinta SABD ke 3 Toh Changkat Rembiah. Masjid binaan pertama roboh tanpa meninggalkan kesan. Masjid binaan kedua diperbuat daripada kayu dan ianya telah dipindahkan ke kawasan berhampiran Gunung Matsurat, Kampung Kepayang, Fair Park, Ipoh walaubagaimanapun ianya telah roboh dimakan usia. Masjid ini dipindahkan untuk memberi laluan pembinaan masjid batu-bata yang kini dikenali sebagai Masjid Warisan Al-Khairiah, Kampung Kepayang, Fair Park, Ipoh.

Tapak masjid ini dikaitkan dengan lokasi persembunyian Sultan Perak ke 25 Sultan Ismail (1871-1874), Dato Maharaja Lela ke 6 Pandak Lam, Dato Sagor Ngah Kamdin dan pengikut-pengikutnya ketika tercetusnya Perang Perak 1875. Sultan Ismail membawa bersamanya alat-alat kebesaran pertabalan Kesultanan Melayu Perak dan 20 ekor gajah. Ketika itu kampung ini adalah dibawah naungan Panglima Kinta SABD ke 7 Ngah Jabor dan diketuai oleh Toh Senongsa Seri Nara Wangsa (SNW) ke 9 Itam Dewi. Setelah mendapat lokasi ini tidak selamat, baginda bersumpah dengan memacak pedangnya ke tanah bahawa baginda akan kembali memerintah Negeri Perak suatu hari nanti dan beredar bersama pengikut-pengikutnya.



Perak, Ipoh, Perak (nombor plan 19242) direzabkan untuk tujuan masjid melayu dan tanah perkuburan Islam. Ia diselenggarakan oleh Panglima Kinta SABD ke 12 Che Wan (1905-1947) dan pengantinnya yang akan dilantik oleh Pegawai Daerah Kinta. Ia telah digazetkan pada 1914 dibawah pentadbiran Residen British Perak yang ke 9 Reginald George Watson (1913-1919).

Menurut dokumen Pejabat Tanah Kinta, tapak masjid ini sebelum diwakafkan dahulunya dimiliki oleh empat tokoh utama di Kampung Kepayang, Fair Park, Ipoh iaitu Toh Senongsa SNW ke 9 Itam Dewi, Toh Senongsa SNW ke 5 Andak Selamah, Panglima Kinta SABD ke 7 Ngah Jabor dan Toh Senongsa SNW ke 8 Radiozaman.

MALAY MOSQUE AND BURIAL GROUND IN KUALA TAKKAN				
Grant/ Plan No. (Plan No.)	Area (Survey Plan No.)	In Grant	Name	Founder Family
		Husband		
G145	2a 1r 18p	1. Daimah bt Long Duraman (½) (Alang Tijah bt Ngah Nandut)	1. do not know (Ngoh Komat)	1. Toh Senongsa Itam Dewi b PK Ngah Gapar
P19243 & (P19242)	(1a 1r 19p)	2. Manjura bt Hj Mohamed Amin (½)	2. Ngah Gapar b Johan	2. Toh Senongsa Andak Selamah b PK Toh Changkat Rembia
P19244 (P19242)		3. Teresal bt Hj Mohamed Amin (½) (Mat Latip b Kanda Jahid as Rep)	2. Kanda Jahid b PK Ngah Jabor @ Tok Gemuk	3. Panglima Kinta Ngah Jabor b PK Toh Ngah Gapar
G10970 P5566 (P5459)	2a 0r 3p (0a 0r 38p)	Ngah Manah bt Hj Mohamed Kassim	Ngah Doh Alli b Ahmad	Toh Senongsa Radiozaman b PK Toh Paloh

By Section 9 of the Land Enactment, 1911, the British Resident proclaims the parcel of land at Kuala Takkam, Ulu Kinta, (Plan No. 19242) to be a reserve for the purpose of a **Malay Mosque** to be maintained by *Che Kulop Lembang bin Hj Mohamed Kassim and Che Wan bin Mohamed Yusof, Datoh Panglima Kinta* and their successors to be appointed by the District Officer, Kinta. *Gazetted in 1914.*

Source: Kinta Land Office (KLO) files in Malaysia National Archives.

Kini Masjid Warisan Al-Khairiah, Kampung Kepayang, Fair Park, Ipoh tidak lagi berfungsi sebagai masjid biasa berikutan kewujudan Masjid Al-Khairiah, Kampung Kepayang, Fair Park, Ipoh (Masjid Baru) yang terletak berdekatan dengannya. Masjid ini turut kelihatan berada dalam keadaan yang sangat uzur, usang dan memerlukan pembaikpulihan segera. Ia dicadangkan untuk dibaikpulih dan diselenggara agar dapat dikekalkan dan ditambahbaik nilai warisannya dan mampu berfungsi sebagai Pusat Ilmu bagi memastikan ianya dapat dimanfaatkan oleh masyarakat setempat.

Sumber dan rujukan:

- “Salasilah Keturunan Panglima Kinta Seri Amar Bangsa DiRaja dan Toh Senongsa Seri Nara Wangsa”, susunan Tuan Haji Fazil Shuhaimi Talib terbitan Persatuan Keluarga Kulop Kinta (PK3)
- “Titles and Ceremonial Traditions of the Royalty and Nobility of the State of Perak, Malaysia”, tulisan Dr. Adib Vincent Tung terbitan Perak Academy.
- “Kenali Kampung Kepayang”, arahan Mukriz Mahader terbitan Astro AWANI.
- “Pasir Salak, Pusat Gerakan Menentang British di Perak”, tulisan Abdullah Zakaria Ghazali terbitan Yayasan Perak.
- “Kinta Valley: Pioneering Malaysia’s Modern Development”, tulisan Salma Nasution Khoo, Abdur-Razzaq Lubis terbitan Perak Academy.

Jangan terlepas berita terkini kami! Sertai saluran rasmi WhatsApp Channel Orang Perak sekarang.

[Klik & Sertai Sekarang](#)